

15/08/2002

Terengganu tegas laksana Takzir

KUALA TERENGGANU, Rabu - Kerajaan Pas Terengganu bertegas akan menguatkuasakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) walaupun Kerajaan Persekutuan memberi amaran keras akan mengambil tindakan undang-undang.

Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata kerajaan negeri bersedia mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan jika ada peruntukan tertentu dalam undang-undang Takzir yang bercanggah dengan Perlembagaan.

Katanya, perbincangan secara Islam perlu diadakan bagi mengelak perkara itu dikaitkan dengan politik.

Katanya, kerajaan negeri mahu melaksanakan undang-undang itu secara demokratik dan mengikut Perlembagaan, kerana ia di bawah bidang kuasa syariah.

"Sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak faham dan memerlukan penjelasan, kita (kerajaan negeri) bersedia memberi penjelasan dan penerangan.

"Undang-undang Takzir perlu diteruskan kerana berpendapat ia tidak bercanggah dengan Perlembagaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa Kerajaan Persekutuan akan mengambil tindakan tegas jika Kerajaan Pas Terengganu terus berdegil untuk menguatkuasakan Takzir yang secara terang-terang bertentangan dengan Perlembagaan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba melakukan perbuatan menyalahi undang-undang negara.

Abdul Hadi yang juga Pemangku Presiden Pas mengakui peruntukan undang-undang Takzir sudah sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan dan tidak bercanggah dengan al-Quran dan hadis.

"Undang-undang ini terus dipakai tetapi tidak mempunyai aspek spiritual atau kerohanian seperti hukuman penjara lima tahun dan tiga sebatan," katanya.

Katanya, kenyataan Perdana Menteri menunjukkan undang-undang Takzir tidak difahami secara mendalam.

"Undang-Undang Jenayah Syariah terbahagi tiga iaitu Qisas, Hudud dan Takzir. Qisas dan Hudud adalah hukum yang dinaskan dalam al-Quran dan hadis, manakala Takzir ialah hukuman yang diserahkan kepada budi bicara sama ada kerajaan atau badan kehakiman yang ditentukan mengikut kebijaksanaan," katanya.